



16 AUG, 2020

Rakyat Sarawak disaran dalam 'Malaysia Prihatin'

Mingguan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Rakyat Sarawak disaran dalam 'Malaysia Prihatin'

SARIKEI: Program Merdeka@Komuniti merupakan acara tahunan Jabatan Penerangan Malaysia yang mempunyai tujuan dan matlamat yang jelas iaitu bagi menyemarakkan lagi semangat cinta-negara, memperingati jasa pemimpin terdahulu dalam mencapai kemerdekaan negara, mengajak rakyat untuk mengibarkan Jalur Gemilang dan seterusnya menghargai kebebasan yang kita telah kecapai sekian lama.

Ahli Parlimen Tanjong Manis, Ir. Yusuf Abd Wahab menyarankan rakyat Sarawak mendalami maksud tema Bulan Kebangsaan tahun ini iaitu Malaysia Prihatin.

"MALAYSIA membawa pengertian seluruh rakyat Malaysia berganding bahu memerangi pandemik Covid-19, sama ada penjawat awam, sektor swasta, sukarrelawan mahupun orang perseorangan.

"Manakala PRIHATIN pula mewakili keprihatinan

kerajaan dalam mengutamakan kesejahteraan dan kebajikan rakyat melalui inisiatif Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) yang merangkumi aspek ekonomi, kebajikan serta kelangsungan hidup rakyat Malaysia.

"Logo berbentuk hati dengan warna Jalur Gemilang pula melambangkan keprihatinan kerajaan terhadap rakyat Malaysia yang berbilang kaum," katanya pada perasmian Majlis Perasmian Program Merdeka@Komuniti kawasan Tanjong Manis di Dewan Penghulu Adin, Sungai Balai, Sare, pagi semalam.

"Kita harus menjunjung lima Prinsip Rukun Negara yang merupakan asas identiti diri dan penyatuan kita sebagai rakyat Malaysia.

Kita hendaklah sentiasa meneruskan dan memupuk persefahaman dan perpaduan sesama kita meskipun kita hidup dalam masyarakat

majmuk," ujarnya.

Tambahnya, segala perbezaan dan persengketaan juga harus ketepikan demi Malaysia yang aman dan harmoni.

"Dengan kesempatan ini, saya juga ingin mengajak hadirin semua untuk sama-sama mengibarkan Jalur Gemilang di rumah, pejabat, premis perniagaan, kereta dan di mana-mana tempat bersesuaian dengan penuh bangga serta semangat sebagai bukti cinta dan setia kita kepada negara, menjelang sambutan Hari Kebangsaan di Kuala Lumpur pada 31 Ogos kelak dan Sambutan Hari Malaysia di Sibu, Sarawak pada 16 September," katanya lagi.

Pada program sama, Yusuf turut merasmikan Pasar Tani di Dewan Penghulu Adin yang telah siap melalui projek Transformasi Luar Bandar (RTP) 2019 dengan kos sejumlah RM100,000.



RASMI... Ir. Yusuf Abd Wahab memotong reben sebagai tanda perasmian Pasar Tani di Dewan Penghulu Adin, Sungai Balai, Sare.



16 AUG, 2020

Rakyat Sarawak disaran dalam 'Malaysia Prihatin'

Mingguan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

SARIKEI: Program Merdeka@ Komuniti merupakan acara tahunan Jabatan Penerangan Malaysia yang mempunyai tujuan dan matlamat yang jelas iaitu bagi menyemarakkan lagi semangat cintakan negara, memperingati jasa pemimpin terdahulu dalam mencapai kemerdekaan negara, mengajak rakyat untuk mengibarkan Jalur Gemilang dan seterusnya menghargai kebebasan yang kita telah kecapai sekian lama. Ahli Parlimen Tanjong Manis, Ir. Yusuf Abd Wahab menyarankan rakyat Sarawak mendalami maksud tema Bulan Kebangsaan tahun ini iaitu Malaysia Prihatin.